

ALAT DISTOMETER



Rajah 2: Alat Distometer menggunakan laser

Alat distometer merupakan suatu alat mengukur jarak menggunakan laser bagi menggantikan kaedah lama/manual pengukuran jarak iaitu menggunakan pita ukur. Jika suatu masa dahulu pengukuran jarak secara manual memerlukan sekurang – kurangnya 2 orang tetapi dengan peranti ini ia hanya memerlukan seorang sahaja untuk menekan butang jarak.

Laser yang dipantulkan ke suatu jarak yang dikehendaki akan berpatah balik dan mengeluarkan jarak kurang lebih 5 saat. Jarak yang boleh diambil ialah jarak mendatar dan jarak menegak. Selain saiznya yang kecil dan kompak ianya juga ringan dan mudah dibawa kemana – mana sahaja. Dari segi reka bentuk, ianya amat sesuai digunakan seperti di bucu – bucu bangunan atau kawasan yang sukar di mana penggunaan pita ukur tidak boleh dibuat.

Skrin paparannya juga amat menarik dan jelas serta mudah digunakan (*user friendly*). Peranti ini amat sesuai digunakan dalam kawasan gelap seperti terowong atau waktu malam kerana skrinnya mempunyai lampu tersendiri. Untuk jenama Leica ini, ia mampu merekod sehingga 10 jarak dalam memorinya. Jarak maksimum yang boleh diambil ialah 60 meter. Bateri yang digunakan ialah bateri yang mudah diperolehi iaitu AA (*double A*).